

# KULIAH ZOHOR

**“Mampu Untuk Hidup Dalam Ketidaksempurnaan”**

**Masjid Maarof | 23 Januari 2019**

Muhammad Haniff Hassan

[ismhaniff@ntu.edu.sg](mailto:ismhaniff@ntu.edu.sg) / [www.haniff.sg](http://www.haniff.sg)

# Matn (Teks) Hadis

عن أَبِي هُرَيْرَةَ، قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ " إِنَّ الْمَرْأَةَ خُلِقَتْ مِنْ ضِلَعٍ  
لَنْ تَسْتَقِيمَ لَكَ عَلَى طَرِيقَةٍ فَإِنْ اسْتَمْتَعْتَ بِهَا اسْتَمْتَعْتَ بِهَا وَبِهَا عِوَجٌ وَإِنْ ذَهَبْتَ تُقِيمُهَا  
كَسَرْتَهَا وَكَسَرْتَهَا طَلَّاقُهَا "

Abu Hurairah berkata bahawa Rasulullah s.a.w

“Sesungguhnya wanita diciptakan dari tulang rusuk dan tidak dapat kamu luruskan dengan cara bagaimanapun, jika kamu hendak bersenang-senang dengannya, kamu dapat bersenang-senang dengannya dan dia tetap saja bengkok. Jika kamu berusaha meluruskannya, dia akan patah dan mematahkannya adalah menceraikannya.” (Riwayat Muslim)

# Pengajaran Hadis

1. Hendaklah berupaya untuk berada dan hidup dalam ketidaksempurnaan.
  - hadis ini bukan hanya bicara tentang sifat wanita, tapi lebih tepat tentang sifat manusia
  - ketidaksempurnaan bukan hanya sifat wanita, tapi sifat semua manusia
  - aplikasi berguna bagi hubungan suami dengan isteri, isteri dengan suami, ibubapa dengan anak-anak, hidup berpasukan dan hubungan dengan masyarakat

2. Waspada akan semangat yang membara mendorong untuk mencapai kesempurnaan
  - atas nama kecemerlangan, jadi kurang toleran kepada ketidaksempurnaan
  - inginkan kesempurnaan, jadi gopoh dan bersegera untuk capai sesuatu
  - sedangkan ketidaksempurnaan itu adalah satu realiti.
  
3. Kebijaksanaan bukan pada keupayaan untuk mencapai kesempurnaan, tapi pada keupayaan untuk hidup bersama ketidaksempurnaan.

4. Rasulullah s.a.w ibaratkan hidup dengan manusia seperti orang yang diberi tulang rusuk yang sifat semulajadinya itu bengkok
  - jika dipaksa untuk meluruskannya, akan mengakibatkan patah
  - meluruskan tulang itu samalah ibarat mengharapkan kesempurnaan pada seseorang atau masyarakat
  - tidak realistik
  - jika dipaksa, akan akibat kemusnahan dan kerosakan.
  
5. Realistik dan praktikal, bukan bermakna berdiam diri dan pasif dengan persekitaran
  - kelemahan harus dibaiki, tapi mestilah realistik dan praktikal
  - bukan untuk hilangkan kelemahan sama sekali

6. Sehingga kelemahan dapat, hendaklah bersabar dengan realiti yang ada
  - kekuatan dan kegagahan yang sebenar bukan terletak pada keupayaan untuk berlawan (berkonfrontasi)
  - terletak pada keupayaan untuk kawal diri dalam menghadapi situasi yang mencabar
  - tetap berpegang pada sifat asasi Islam yang sentiasa praktikal dan realistik.
  
7. Antara faktor membantu untuk hidup dalam ketidaksempurnaan
  - mampu memaafkan ketidaksempurnaan.

7. Kalau seorang suami tidak mampu untuk hidup dengan sifat 'bengkok' isteri
  - timbul tekanan dalam diri, ketegangan dalam hubungan, konflik dan akhirnya perceraian
  - begitu juga isteri dengan suami, ibu bapa dan anak-anak.
  
8. Sama juga jika tidak mampu hidup dengan sifat 'bengkok' rakan-rakan seperjuangan, diri akan stres, organisasi akan disibukkan dengan konflik dalaman, hubungan sesama rakan seperjuangan akan tegang yang akan menjejaskan kerja dan akhirnya perpecahan.
  
9. Begitulah juga yang akan berlaku jika sikap yang sama diterapkan dalam hubungan dengan masyarakat.

# KULIAH ZOHOR

**“Bercampur Manusia Lebih Utama Dari  
Menyendiri”**

**Masjid Maarof | 23 Januari 2019**

Muhammad Haniff Hassan

[ismhaniff@ntu.edu.sg](mailto:ismhaniff@ntu.edu.sg) / [www.haniff.sg](http://www.haniff.sg)

# Matn (Teks) Hadis

عَنْ ابْنِ عُمَرَ، قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ - صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ - " الْمُؤْمِنُ الَّذِي يُخَالِطُ  
النَّاسَ وَيَصْبِرُ عَلَى أَذَاهُمْ أَكْبَرُ أَجْرًا مِنَ الْمُؤْمِنِ الَّذِي لَا يُخَالِطُ النَّاسَ وَلَا يَصْبِرُ عَلَى  
أَذَاهُمْ "

Ibn Umar meriwayatkan bahawa Rasulullah s.a.w bersabda  
“Seorang mukmin yang bercampur dengan manusia dan  
bersabar atas kejahatan mereka lebih besar ganjaran untuknya  
dari mereka yang tidak bercampur dengan manusia dan tidak  
bersabar atas kejahatan mereka.” (Riwayat Ibn Majah)

# Pengajaran Hadis

1. Hidup di tengah-tengah masyarakat bukan Islam atau di tengah-tengah masyarakat yang tidak menghayati Islam bukan sesuatu yang secara prinsipnya dicela oleh Islam
  - boleh jadi sumber peluang bagi peroleh kebaikan yang banyak
  - berfikiran positif.
2. Hijrah dan uzlah tidak semestinya sesuatu yang lebih utama di zaman ini.

3. Hijrah dan uzlah hanya digalakkan bagi
  - yang tertindas
  - tidak mampu amalkan agama
  - takut akan keimanannya
  
4. Islam adalah agama dakwah dan perjuangan, bukan agama yang anjur menyendiri.
  
5. Anjuran “engagement” dengan golongan bukan Muslim atau yang tidak menghayati Islam
  - pasti akan hadapi pelbagai kerenah, kejahatan dan kesulitan
  - cara mudah ialah elak atau jauhkan diri

6. Hadis anjur sifat berani menghadapi cabaran berkeñaan dan bersabar dan lebih penting lagi meletakkan golongan ini sebagai kelompok yang lebih baik dari mereka yang menjauhi situasi berkeñaan dan tidak mahu bersabar.
  
7. Yang realistik, hidup di tengah-tengah manusia yang tidak soleh atau bukan Muslim, pasti sukar untuk elak sama sekali dari tempiasan maksiat yang berlaku
  - Islam iktiraf realiti ini
  - Islam hanya tuntutan bertakwa semampunya sahaja
  - penting banyakkkan amal-amal peribadi secara konsisten supaya menjadi pencuci bagi segala tempiasan berkeñaan.

8. Yang pilih untuk berada jauh dari manusia atau maksiat tidak seharusnya merasa dirinya lebih suci dari mereka yang berada di tengah-tengah manusia dan kejahatan.
  
9. Walaupun masyarakat bukan Muslim tidak menyediakan suasana kehidupan Islam sepenuhnya, tidak semestinya hadapi mereka dengan sifat kebencian dan permusuhan kerana tidak semua masyarakat bukan Muslim anti-Islam.
  
10. Rasulullah s.a.w tidak menyamakan semua kabilah Arab, walau ditentang oleh Arab di Mekah.
  - beliau mengizinkan sahabat tinggal dengan kabilahnya kerana tidak memusuhi
  - suruh sahabat hijrah ke Habysah kerana rajanya adil